

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

**RMK 254 – Pengajian Undang-Undang**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

...2/-

- 2 -

1. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan 'Balasan' dalam Undang-undang Kontrak?

(10 markah)

- (b) Azmi telah bekerja sebagai pemandu Datuk Kamal selama 10 tahun. Pada bulan September 2006, Azmi telah berjumpa dengan Datuk Kamal dan telah memberitahu bahawa ia ingin membeli kereta Datuk Kamal, model Proton Gen 2.

Datuk Kamal bersetuju untuk menjualkan kereta itu kepada Azmi dengan harga RM30,000.00. Kereta Proton Gen 2 tersebut hanya berusia 3 bulan dan pada masa Datuk Kamal membeli kereta itu harganya adalah RM60,000.00. Datuk Kamal kini ingin membatalkan perjanjian tersebut atas alasan harganya terlalu rendah. Nasihatkan Datuk Kamal.

(15 markah)

2. (a) Apakah perbezaan di antara syarikat dengan perniagaan tunggal dan perkongsian.

(10 markah)

- (b) Bincangkan aturcara penubuhan syarikat.

(15 markah)

3. Bincangkan mana-mana **Lima (5)** yang berikut:-

- (a) "Jenayah" adalah merupakan "kesalahan", tetapi tidaklah sesuai dikatakan "semua kesalahan adalah jenayah".

(5 markah)

- (b) Tiga ciri utama jenayah.

(5 markah)

- (c) Salah satu tahap melakukan satu jenayah yang lengkap ialah "percubaan"

(5 markah)

- (d) "Percubaan" sebagai salah satu tahap melakukan jenayah yang lengkap.

(5 markah)

- (e) Terdapat **tiga (3)** jenis subahat. Huraikan.

(5 markah)

- (f) Terdapat banyak jenis pembelaan, bincangkan mana-mana **dua (2)** yang utama.

(5 markah)

....3/-

- 3 -

4. Menghukum penjenayah perlulah menurut undang-undang. Bincangkan daripada aspek-aspek berikut:-
- (a) Tujuan hukuman dilaksanakan. (5 markah)
- (b) Maksud "dihukum menurut undang-undang". (5 markah)
- (c) Mana-mana tiga (3) jenis hukuman. (15 markah)
5. Bincangan "tort kecuaian" daripada aspek berikut:-
- (a) Takrif dan skop kecuaian (5 markah)
- (b) Ciri kecuaian (10 markah)
- (c) Cuai sertaan/cuai sumbang (10 markah)

-ooo O ooo-